

SISTEM DAYAJEJAK HAIWAN

SISTEM DAYAJEJAK HAIWAN

Aplikasi sistem daya jejak berupaya untuk menjelajah pemindahan haiwan dan produk haiwan. Sistem ini melibatkan tanda pengenalan haiwan dan pendaftaran premis



TANDA PENGENALAN HAIWAN

- Tanda pengenalan haiwan ialah kaedah pengenalan ternakan yang penting dalam pengesahan hak milik, kawalan penyakit serta daya jejak

JENIS - JENIS TANDA PENGENALAN HAIWAN

Tag telinga

- Pemasangan tag pada telinga haiwan yang mempunyai nombor pengenalan individu.
- Tag telinga perlu memaparkan nombor yang jelas agar mudah dilihat dari jauh

Kacip telinga

Pengenalan pada telinga haiwan menggunakan teknik kacip mengikut kod yang ditetapkan berdasarkan gerompok

Branding sejuk dan panas

Pengenalan pada badan haiwan menggunakan logo gerompok yang telah didaftarkan

Tanda cacah

Penandaan pada telinga haiwan menggunakan dakwat kekal mengikut nombor individu atau gerompok



RFID dan Mikrocip

- Penggunaan RFID atau mikrocip yang mengandungi data nombor pengenalan haiwan individu.
- Nombor pengenalan boleh dilihat dengan menggunakan pengimbas.

- Pemasangan tanda pengenalan haiwan adalah tanggungjawab pemilik haiwan
- Semua haiwan yang ingin dipindahkan mestilah memiliki tanda pengenalan untuk direkodkan ke dalam sistem e-permit 2.

PENDAFTARAN PREMIS

- Semua pemilik/pengusaha premis yang menjalankan aktiviti berkaitan industri haiwan perlu bertanggungjawab mendaftarkan premis kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- ID premis yang diberikan akan menjadi rujukan dalam sistem perkhidmatan veterinar.



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA